

Dari Princeton ke NUS, minat pada sejarah terus didalami

► **NUR FADHILAH SALLEH**
nfsalleh@sph.com.sg

BULAN depan, beliau akan ke Washington DC, kemudian pada November ke London dan akhir tahun ke Belanda.

Bagi Dr Nurfadzilah Yahaya, Zamil Penyelidikan di Institut Penyelidikan Asia di Universiti Nasional Singapura (NUS), ini perkara biasa bagi ahli akademik.


Baru-baru ini, beliau dianugerahi Hadiah Tesis Persatuan Arab Singapura Alwehdah bagi tesis terbaik mengenai masyarakat Arab di Asia Tenggara.

Tesis Dr Nurfadzilah bagi ijazah Doktor Falsafah (PhD) di Universiti Princeton bertajuk 'Bidang Kuasa Mahkamah – Pentadbiran Penjajah bagi Undang-undang Syariah Berkaitan Orang Arab di Negara-Negara Selat dan Hindia Timur Belanda antara 1860 dengan 1941'.

Ketika ditemui di pejabatnya di Bukit Timah, beliau berkata minatnya menyelami dunia Arab berputik daripada keturunan Arab sebelah ibunya.

"Mulanya begitu, namun selepas menyelidik lebih mendalam lagi, saya terpicat menyelami sejarah undang-undang khususnya bagi masyarakat Arab yang berhijrah ke negara lain dan warisan yang ditinggalkan mereka," jelas Dr Nurfadzilah, 35 tahun, yang fasih bertutur dalam bahasa Arab, Inggeris, Melayu dan Perancis selain boleh membaca teks yang ditulis dalam bahasa Belanda.

Kepakaran bahasa itu memudahkannya melakukan penyelidikan di perpustakaan dan arkib negara di Britain, Belanda, Indonesia, Malaysia dan Singapura.



MENABUR BAKTI: Dr Nurfadzilah berharap dapat menyumbang kepada masyarakat melalui perkongsian penyelidikan dan pengalamannya.
– Foto TAUFIK A. KADER

Minat pada sejarah tertanam sejak muda lagi ketika lawatan pertamanya ke Tanah Perkuburan Perang Kranji di mana beliau didedahkan kepada sejarah Singapura.

"Sebelum itu, saya selalu berfikir bahawa kita tinggal di sebuah negara yang suasananya semua baru.

"Namun, lawatan ke monumen lama dan melihat nama askar yang terkorban menyentuh diri saya. Dari situ, saya mula berminat mengetahui lebih lanjut tentang sejarah," ujar beliau yang turut diiktiraf sebagai pemenang Hadiah Cendekiawan Muda oleh jurnal *Indonesia and the Malay World* pada Januari lalu.

Anak sulung dua beradik pasangan seorang teknisyen yang bersara dan seorang suri rumah itu memutuskan kembali dan berpangkalan di Singapura selepas sembilan tahun di Amerika Syarikat kerana topik penyelidikannya tertumpu pada Asia Tenggara.

Dr Nurfadzilah menuntut di Universiti Princeton sebagai calon PhD selama enam tahun dan bertugas sebagai Zamil Kerjaya Peringkat Awal Mark Steinberg Weil dalam Pengajian Islam di Universiti Washington di St Louis selama tiga tahun.

Kini, beliau sedang menyelesaikan

kan buku pertamanya berjudul *Fluid Jurisdictions of Arab Diaspora under Colonial Rule in Southeast Asia* yang bakal diterbitkan Cambridge University Press tahun depan.

Dr Nurfadzilah berharap menjadi profesor sepenuh masa dan mengajar mata pelajaran kegemarannya, sejarah, di peringkat universiti serta menyumbang kembali kepada masyarakat tempatan.

"Kini setelah saya berpangkalan di Singapura, saya berharap dapat menyumbang dengan lebih aktif kepada masyarakat tempatan melalui perkongsian penyelidikan dan pengalaman saya di luar negara," ujarnya.